



JABATAN PELAJARAN MELAKA
JALAN ISTANA
PETI SURAT 62
75902 MELAKA

Tel : 06-2325542/2325530
Fax : 06-2315227 (Unit Perhubungan & Pendaftaran)
Laman-web : <http://www.jpmmelaka.gov.my>

Rujukan Kami : JPM.SPS.UPP.700-5/2 (19)
Tarikh : 16 Januari 2012

Timbalan Pegawai Pelajaran Daerah Melaka Tengah
Timbalan Pegawai Pelajaran Daerah Alor Gajah
Timbalan Pegawai Pelajaran Daerah Jasin

Tuan,

PEMANTAUAN DAN PENILAIAN ANUGERAH PIBG KEBANGSAAN, PERINGKAT DAERAH NEGERI MELAKA. (16 JANUARI HINGGA 16 FEBRUARI 2012).

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan pemantau dan penilaian Anugerah PIBG Kebangsaan peringkat daerah akan bermula dari 16 Januari hingga 16 Februari 2012.

3. Sehubungan itu, tuan atau pegawai-pegawai di Pejabat Pelajaran Daerah diminta membuat pemantauan dan penilaian terhadap PIBG di sekolah-sekolah di daerah tuan. Pejabat Pelajaran Daerah hendaklah memilih tiga PIBG yang terbaik mengikut kategori dari setiap daerah (Satu set markah setiap sekolah). **Maklumat tersebut hendaklah difaks ke Unit Perhubungan dan Pendaftaran sebelum atau pada 1 Mac 2012.** Sebarang pertanyaan sila hubungi Encik Zainuri bin Yusoff di talian 06-2325542 .

Kerjasama dan keprihatinan tuan didahului dengan ucapan terima kasih. Sekian.

**"MELAKA MAJU NEGERIKU SAYANG, NEGERI BANDAR TEKNOLOGI HIJAU"
" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,

(HAJI ZUBIR BIN MOHD NOR)

Ketua Unit Perhubungan dan Pendaftaran
b.p. Pengarah Pelajaran Melaka

UNIT PERHUBUNGAN DAN PENDAFTARAN
JABATAN PELAJARAN NEGERI MELAKA

PENGURUSAN PIBG 2011 / 2012

1. Konvensyen PIBG Peringkat Kebangsaan:

- Diadakan pada 9 - 11 Disember 2011
- Mencadangkan JPN memilih YDP PIBG yang belum pernah menghadiri konvensyen PIBG sebelum ini.

2. Anugerah PIBG Peringkat Kebangsaan:

- 2.1 - Ditunda ke tahun 2012
- Membolehkan semua sekolah yang mempunyai PIBG berdaftar dinilai secara sistematik, menyeluruh, telus dan adil.
- 2.2 - Mencadangkan JPN mengkategorikan PIBG mengikut Band 1, Band 2 dan Band 3 berdasarkan markah penilaian instrumen IPPIBG.
- 2.3 - Setiap PPD/JPN diminta menyenaraikan setiap sekolah yang dinilai berserta markah masing-masing. Satu set markah perlu dihantar ke Bahagian Pengurusan Sekolah Harian.
- 2.4 - 5 PIBG sekolah terbaik dipantau untuk verifikasi oleh Panel Pemilihan Anugerah PIBG Peringkat Daerah yang terdiri daripada:

Pengerusi - PPD
AJK - Pegawai Unit Pengurusan Sekolah PPD
- Polis
- Pejabat Penerangan
- Pejabat Kesihatan

- 2.5 - 3 PIBG sekolah terbaik bagi setiap kategori di setiap daerah hendaklah dihantar ke Panel Pemilihan Anugerah PIBG Peringkat Negeri yang terdiri daripada:

Pengerusi - Pengarah Pelajaran Melaka
AJK - KSPS
- JNJK Negeri
- Polis
- Pejabat Kesihatan
- Pejabat Penerangan
- Tokoh Guru Negeri

2.6 - 1 PIBG sekolah terbaik bagi setiap kategori di setiap negeri hendaklah dihantar ke Panel Pemilihan Peringkat Kebangsaan yang terdiri daripada:

Pengerusi - KPPM
AJK - Pengarah BPSH
- Ketua Nazir JNJK
- SUB Kewangan
- Polis Diraja Malaysia
- Kementerian Kesihatan Malaysia
- Kementerian Penerangan
- Tokoh Guru Negeri

2.5 - Kategori Anugerah PIBG Peringkat Kebangsaan:

Terdapat 6 kategori dijalankan.

A. SEKOLAH RENDAH:- I) BANDAR
II) LUAR BANDAR
III) PEDALAMAN

B. SEKOLAH MENENGAH:- I) BANDAR
II) LUAR BANDAR
III) PEDALAMAN

2.6 - Dilaksanakan dalam 3 Peringkat:-

i) PERINGKAT DAERAH
ii) PERINGKAT NEGERI
iii) PERINGKAT KEBANGSAAN

2.7 - Hadiah:-

a) PERINGKAT DAERAH : setiap kategori

JOHAN - RM1,000
N.JOHAN - RM 750
KETIGA - RM 500

b) PERINGKAT NEGERI: setiap kategori

JOHAN - RM 5,000
N.JOHAN - RM 3,000
KETIGA - RM 2,000

c) **PERINGKAT KEBANGSAAN**

- ANUGERAH TERBAIK KESELURUHAN - **RM 50,000**
- ANUGERAH TERBAIK SEKOLAH MENENGAH - RM 30,000
- ANUGERAH TERBAIK SEKOLAH RENDAH - RM 30,000

SAGUHATI TERBAIK:

- SEKOLAH RENDAH BANDAR - RM10,000
- SEKOLAH RENDAH LUAR BANDAR - RM10,000
- SEKOLAH RENDAH PEDALAMAN - RM10,000
- SEKOLAH MENENGAH BANDAR - RM10,000
- SEKOLAH MENENGAH LUAR BANDAR - RM10,000
- SEKOLAH MENENGAH PEDALAMAN - RM10,000

2.8 - JADUAL PELAKSANAAN PENILAIAN PIBG:

BIL.	TINDAKAN	TARIKH PELAKSANAAN
1.	PENILAIAN PERINGKAT DAERAH	16 JANUARI - 16 FEBRUARI 2012
2.	PPD HANTAR KE JPN	1 MAC 2012
3.	PANEL PEMILIHAN NEGERI	3 - 15 MAC 2012
4.	JPN HANTAR KE KPM	16 MAC 2012
5.	PANEL PENILAIAN KEBANGSAAN	23 MAC 2012
6.	MAJLIS ANUGERAH PIBG CEMERLANG	31 MAC 2012